

02 MAR 1997

Lim-Pelaburan

SYARIKAT PEMBALAKAN DAN PERLADANGAN M'SIA DIGALAK LABUR SECARA PAKEJ

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Usahawan-usahawan Malaysia yang melabur dalam aktiviti pembalakan dan perladangan akan digalakkan membangunkannya secara pakej, kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Dr Lim Keng Yaik, hari ini.

Beliau berkata pelabur kedua-dua bidang itu perlu bekerjasama dan menggunakan pengalaman luas mereka untuk membangunkan negara-negara tropika yang menerima pelaburan mereka.

"Dengan cara itu, kita bukan sahaja melabur untuk mendapatkan balak, tetapi turut terlibat di dalam kegiatan menanam semula hutan serta menjalankan pelbagai kegiatan hiliran lain," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan (CC) di ibu pejabat parti itu di sini.

Dr Lim berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menemui ketua-ketua eksekutif sektor perladangan dan pembalakan bulan depan untuk menggalakkan mereka menggunakan pendekatan kaedah pakej itu.

"Perdana Menteri akan menggalakkan mereka supaya melaksanakan pelaburan secara bersepadu dan kita boleh membawa pengalaman kita ke negara tropika berkenaan yang agak ketinggalan berbanding negara kita," katanya.

Dr Lim berkata cara itu dapat membantu menangkis kempen anti-Malaysia yang dilakukan oleh beberapa kumpulan alam sekitar terhadap Malaysia, khususnya terhadap sektor pembalakan.

Beliau berkata Dr Lim juga berkata bahawa langkah kerajaan Indonesia untuk membekukan permohonan oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di dalam sektor ladang kelapa sawit baru-baru ini hanya terhad kepada permohonan baru.

Pelabur Malaysia dijangka akan memberikan tumpuan kepada pelaburan besar-besaran dalam sektor itu di negara-negara tropika seperti Brazil, katanya.

Beliau akan mengetuai satu delegasi untuk tujuan itu ke Gabon dan Cameroon di Afrika.

Dr Lim berkata syarikat-syarikat tempatan dalam industri minyak sawit dijangka membentuk konsortium untuk melabur secara besar-besaran di luar negara dan menambah langkah yang sama boleh dilakukan di peringkat Asean.

Dr Lim berkata beberapa syarikat Jepun menunjukkan minat untuk menyertai syarikat-syarikat Malaysia di dalam konsortium sedemikian dengan mereka menyumbang kewangan, negara tuan rumah menyediakan tenaga kerja dan tanah manakala syarikat Malaysia akan menyediakan kepakaran teknologi dan pemasaran.

Mengenai mesyuarat hari ini, Dr Lim berkata Jawatankuasa Pusat memutuskan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa diketuai oleh timbalan presiden Kerk Choo Ting untuk mengkaji pelbagai masalah sosial, politik dan ekonomi yang dihadapi oleh negara dan memberikan cadangan berhubung perkara itu kepada kerajaan.

Dr Lim yang juga presiden Gerakan berkata bahawa perhimpunan perwakilan peringkat kebangsaan parti itu akan dilangsungkan di sini pada 16 Ogos. -- BERNAMA.

RV MZ NAK